

Sebahagian daripada Inisiatif Pucuk Hijau bagi bantu tangani isu pelepasan gas rumah hijau

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN KUANTAN

Kumpulan UMW menyasarkan untuk menanam 300,000 pokok bakau menjelang penghujung tahun ini sebagai sebahagian daripada Inisiatif Pucuk Hijau (I3S) UMW bagi membantu menangani isu pelepasan gas rumah hijau (GRH).

Inisiatif ini juga bagi mengukuhkan komitmen kumpulan itu ke arah melestarikan alam sekitar dan menyokong misi kerajaan untuk mencapai sasaran 100 peratus neutral karbon menjelang 2050 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Ketua Pegawai Mobiliti dan Inovasi merangkap Presiden Aerasi UMW Holdings Berhad, Datuk Abdul Rashid Musa berkata, sehingga akhir Mac lalu, Kumpulan UMW telah berjaya menanam 195,200 pokok bakau di seluruh negara.

Menurutnya, usaha itu berada di landasan yang baik dan sasaran penanaman 300,000 pokok bakau itu dijangka mampu dicapai.

"Bagi mencapai hasrat itu, aktiviti penanaman telah diteruskan dan berjaya menanam 2,000 anak pokok bakau di Pusat Kelip-Kelip Muara Sungai Cherating.

"Pokok-pokok yang ditanam di pusat itu merupakan tambahan kepada 2,600 pokok bakau yang telah ditanam melalui Inisiatif Pucuk Hijau UMW tahun lalu," katanya selepas program itu di sini pada Sabtu.

Tanam 300,000 pokok menjelang akhir 2023



Abdul Rashid (empat dari kanan) dan Abdul Aziz (enam dari kiri) hadir pada program penanaman pokok bakau di Muara Sungai Cherating pada Sabtu.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yusarnie Zainuddin.

Abdul Rashid berkata, program itu melibatkan lebih 200 sukarelawan UMP, pengurusan UMW, barisan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UMP dan 30 kakitangan UMW dari Kuantan.

"Kami berbesar hati kerana UMP turut serta dalam program ini untuk bersama memelihara kehidupan negara.

"Program yang telah dilaksanakan ini akan ditingkatkan secara lebih intensif

melalui Inisiatif Pucuk Hijau UMW dengan fokus kepada penanaman pokok bakau," ujarnya.

Tambah beliau, inisiatif penanaman pokok bakau dilaksanakan memandangkan hutan bakau mampu menyerap karbon atmosfera lebih tinggi berbanding hutan tropika.

"Inisiatif ini juga selaras dengan Kempen 100 juta Penanaman Pokok Kebangsaan 2021 - 2025 yang dilancarkan pada Januari 2021," ujar beliau lagi.

Beliau menambah, pokok bakau sangat penting untuk ekosistem kerana ia juga dapat melindungi pantai daripada

hukisan, ribut, ancaman perubahan iklim dan membantu pembiakan hidupan marin.

Sementara itu, Dr Abdul Aziz berkata, Program Inisiatif Pucuk Hijau merupakan perpaduan antara UMP dan UMW, iaitu dua entiti yang berkomitmen untuk menyumbang kepada pembangunan mampan serta melindungi keindahan alam sekitar.

Menurutnya, inisiatif itu diharap akan mencetus semangat dan inspirasi rakyat negara ini untuk menjaga serta melindungi alam sekitar dengan melaksanakan pelbagai projek termasuk penanaman pokok, pemuliharaan kawasan hijau, program kitar semula dan inisiatif pendidikan alam sekitar.

"UMP giat menjalankan program bertunjangkan kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang menjadi agenda global seiring dengan 17 matlamat yang perlu dicapai seperti yang diperkenalkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk semua negara menjelang tahun 2030.

"Usaha ini juga seiring dengan hasrat UMP untuk membabitkan bukan sahaja warga kampus malahan komuniti setempat untuk sama-sama mencapai SDG dengan mengadakan pelbagai program lestari dan menyedarkan masyarakat berhubung kepentingan hutan dalam usaha menangani isu perubahan iklim," katanya.